

Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan *B40 Family: Stress and Strength*

Open
Access

Zarinah Arshat^{1,*}, Farah Syuhada Pai¹, Zanariah Ismail¹

¹ Department of Human Development and Family Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 9 January 2018
Received in revised form 22 January 2018
Accepted 21 February 2018
Available online 24 February 2018

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tekanan dan kekuatan responden dalam kalangan keluarga B40. Seramai sepuluh orang responden berbangsa Melayu dari kawasan bandar dan luar bandar negeri Melaka yang memenuhi kriteria (suami atau isteri dari keluarga B40 dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur tiga hingga enam tahun) telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kesemua responden telah ditemubual secara bersemuka menggunakan soalan panduan. Data telah dianalisis menggunakan QSR NVivo 8. Berdasarkan tema yang didasarkan oleh naratif, tiga tema tekanan telah dikenal pasti iaitu tekanan ekonomi, tekanan emosi dan tekanan keibubapaan. Hasil kajian juga mendapati tiga tema kekuatan seperti komunikasi, pengurusan kewangan dan sokongan sosial. Rumusan dan cadangan juga dibincangkan dalam artikel ini.

This study aims to identify the stress and strength of the respondents among B40 family. A total of ten Malay respondents from the urban and rural areas of Melaka who meet the criteria (husband or wife of B40 family and have at least one child aged three to six years old) were selected through a purposive sampling method. All respondents were interviewed face-to-face using guide questions. Data were analyzed using QSR NVivo 8. Based on a grounded by narrative, three stress themes have been identified namely economic strain, emotional stress and parenting stress. The findings also found that there are three strengths themes such as communication, financial management and social support. Summary and suggestions are also discussed in this article.

Kata kunci:

Kekangan kewangan, tekanan, komunikasi,
pengurusan kewangan, sokongan sosial
*Economic strain, stress, parenting stress,
communication, financial management, social
support*

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Pada masa kini, perubahan ekonomi negara yang tidak stabil bukan sahaja memberi kesan negatif kepada seluruh lapisan masyarakat malahan memberi impak yang besar kepada golongan berpendapatan rendah. Keluarga berpendapatan rendah atau dikenali sebagai keluarga B40

* Corresponding author.

E-mail address: zarinah_upm@upm.edu.my (Zarinah Arshat)

merupakan keluarga yang mempunyai pendapatan isirumah RM3855 sebulan dan ke bawah. Golongan ini amat mudah terdedah dengan risiko yang tinggi apabila berlakunya tekanan ekonomi dalam sesebuah negara. Berdasarkan kepada kajian oleh Santiago, Wadsworth dan Stump [30] mendapati pendapatan yang rendah memberi kesan yang negatif kepada aspek psikologi individu dan kesejahteraan keluarga. Ini disebabkan individu yang mempunyai pendapatan yang rendah mempunyai sumber kewangan yang terhad dan mempunyai pendidikan yang rendah yang menyebabkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik adalah rendah. Pendapatan rendah merupakan salah satu faktor yang menjadi punca kepada masalah mental dalam kalangan golongan orang dewasa [4]. Pendapatan bulanan yang rendah juga memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada perkembangan anak [15]. Oleh yang demikian melalui Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK 11) bagi tahun 2016-2020, matlamat pertumbuhan berpaksikan rakyat mensasarkan peningkatan jumlah pendapatan purata RM2,537 kepada RM5,270 menjelang tahun 2020 bagi golongan rakyat daripada keluarga B40.

Ketidakstabilan ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan masalah kemurungan [31], tekanan emosi [35] serta tekanan disebabkan kerapuhan hubungan kekeluargaan [13, 12]. Hal ini adalah disebabkan oleh kebimbangan individu tentang tahap kewangan, pengangguran sekiranya dipecat dan masa hadapan keluarga sehingga mengganggu keseimbangan emosi individu dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah [19]. Peningkatan tekanan ekonomi ini bukan sahaja menyebabkan kemerosotan kesihatan mental ibu bapa, malah menyumbang kepada konflik dalam keluarga [23] sehingga berlakunya kes penceraian, keganasan dalam rumah tangga dan pengabaian tanggungjawab terhadap anak-anak. Tambahan pula, ibu bapa berpendapatan rendah mudah mengalami kemurungan dan peningkatan tekanan psikologi terutama apabila mempunyai anak-anak kecil kerana perlu memenuhi keperluan asas keluarga seperti makan dan minum, pengangkutan untuk ke sekolah atau menjalani latihan, penjagaan kesihatan dan kos pendidikan yang semakin tinggi [21, 24, 33]. Malahan, tekanan ekonomi secara tidak langsung juga menghalang ibu bapa dari keluarga berpendapatan rendah daripada melaksanakan tanggungjawab mereka sepenuhnya kerana mereka merasakan mengalami kemerosotan kualiti keibubapaan seperti kekurangan masa untuk memberikan tumpuan dan perhatian kepada anak, gagal mengawal disiplin anak, kurang memberi sokongan yang diperlukan dan kurang interaksi bersama anak [13]. Keadaan ini akan mengakibatkan nilai-nilai positif keibubapaan semakin hilang dan menyebabkan masalah kemurungan dalam kalangan ibu bapa seterusnya memberi kesan kepada perkembangan sosial, mental dan kognitif anak-anak [1, 6].

Disamping itu, penggunaan pelbagai strategi untuk menghadapi kesukaran ekonomi boleh membantu mengurangkan kesan tekanan ekonomi terhadap keluarga [23] seperti komunikasi, pengurusan kewangan yang baik serta sokongan daripada ahli keluarga, rakan dan masyarakat setempat. Menurut Katz dan Gottman [18], hubungan yang stabil dan kualiti komunikasi yang tinggi antara pasangan suami isteri akan menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang positif untuk anak-anak serta menjadi pemampuan kepada sebarang konflik kekeluargaan [10]. Selain itu, sokongan sosial merupakan faktor kekuatan utama dalam menangani sebarang kesan negatif terhadap kesihatan psikologi disebabkan oleh tekanan ekonomi [25]. Sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara keluarga mempunyai hubungkait yang positif dengan status kesihatan mental anak-anak melalui kefungsiannya psikologi ibu bapa seperti gaya keibubapaan [16, 2]. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tekanan dan kekuatan keluarga berpendapatan rendah.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian penerokaan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kajian kes telah digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Responden kajian ini dikenal pasti dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Antara kriteria responden yang diguna pakai dalam kajian ini adalah seperti berikut: (a) suami atau isteri dari keluarga B40 (mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM3855.00 sebulan) dan (b) mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur antara tiga hingga enam tahun. Seramai 10 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden di dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu dan tinggal dikawasan bandar serta luar bandar di negeri Melaka.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik temubual secara mendalam berdasarkan soalan-soalan berpandu dan berstruktur untuk memastikan maklumat mengenai tekanan dan kekuatan yang terdapat dalam keluarga berpendapatan rendah diperolehi. Contoh soalan yang ditanya ialah “Apa yang membuatkan anda rasa tertekan dengan keadaan ekonomi keluarga?” dan “Adakah tekanan ekonomi yang anda alami memberi kesan kepada diri anda?” Sebelum temubual dijalankan, temu janji dan persetujuan dari responden untuk terlibat dalam kajian ini telah diperolehi terlebih dahulu. Temubual telah dijalankan sama ada di kediaman atau pun tempat kerja responden. Setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan perspektif dan dari pengalaman hidup mereka sebagai sebuah keluarga berpendapatan rendah. Semua temu bual direkodkan dan ditranskripsikan. Analisis tematik telah digunakan dalam menganalisis data. Data dalam kajian ini diasingkan dan dikelompokkan mengikut persamaan dan perbezaan maksud. Data yang telah diasingkan kemudian dianalisis menggunakan QSR NVivo 8.

3. Hasil Kajian dan Perbincangan

Responden yang terlibat dalam kajian berumur dalam lingkungan 26 sehingga 55 tahun. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai pendapatan bulanan isi rumah dalam lingkungan antara RM 1200 sehingga RM 3000 sebulan. Majoriti daripada responden bekerja didalam sektor swasta, dua orang responden memiliki perniagaan sendiri dan seorang bekerja dengan orang, manakala selebihnya tidak bekerja. Dari segi tahap pendidikan, kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM, tiga orang mempunyai pendidikan sehingga PMR dan hanya seorang responden mempunyai sijil kemahiran. Berikut adalah tema-tema yang ditemui berkaitan dengan tekanan dan kekuatan berdasarkan dari perspektif dan pengalaman keluarga berpendapatan rendah. Melalui analisis rekod verbatim yang dialankan, terdapat tiga tema utama yang ditemui bagi setiap tema tekanan dan kekuatan. Berikut adalah perbincangan mengenai tema tekanan dan kekuatan berdasarkan hasil dapatan kajian temu bual yang telah dijalankan ke atas keluarga B40.

3.1 Tekanan dalam Keluarga B40

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan terdapat tiga tema tekanan yang telah dikenal pasti iaitu tekanan ekonomi, tekanan emosi dan tekanan keibubapaan.

Tema 1: Tekanan Ekonomi

Tekanan ekonomi merujuk kepada aspek kehidupan ekonomi yang berpotensi memberi tekanan kepada keluarga yang terdiri daripada komponen objektif dan subjektif yang mencerminkan pekerjaan dan pendapatan seseorang individu [36]. Malahan tekanan ekonomi juga merupakan tingkah laku manusia secara individu atau bersama-sama dalam menggunakan faktor-faktor yang

mereka perlukan [6, 9]. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan tekanan ekonomi.

Responden 2:

“Tak cukup rasa memang tak cukup rasa. Sebab kerja seorangan, anak makin lama belajar makin besarkan. Duit pelajaran lagi, anak-anak lagi, keperluan dapur lagi. Memang tak cukuplah. Dia kerja sorangan kalau kerja dua orang tak bolehlah.”

“Masa nak sekolah ada perit, masa nak raya ada perit. Kalau bulan-bulan ni kita bolehlah support sikit-sikit mana yang perlu tu kita beli sikit-sikit. Keperluan raya tu memang pentinglah, keperluan puasa tu penting. Sekolah lagi penting.”

“Memang susah. Dengan banyak hutang sana sini, kita nak ketepikan bil api, air, keperluan dapur lagi. Memang rasa peritlah.”

Responden 3:

“Perasaan..tu nak kene cari lebihlah. Kalau boleh, kalau ada. Dekat kilang tu kalau OT kita OT lah. Sebab apa..sebab keadaan sekarang nikan, duit minyak mahal dengan barang mahal lagi. Tu masalah tu.”

Responden 4:

“Kita kalau nak ikutkan semua orang macam tertekanlah”

Responden 5:

“Emm..sangat-sangatlah tertekan. Macam-macam perasaanlah. “

“A’ah, kerosakan sebab dua-dua naik motorkan. Kadang-kadang bila tetiba bila dia rosak time-time belum gaji apa terpaksa pakailah duit simpanan sikit.”

Responden 6:

“Perbelanjaan tinggi tu memanglah kadang kita tertekan juga dengan perbelanjaan sekarang tapi pandai-pandailah control.”

“Baru-baru ni ada jugalah kita tertekan dengan kewangan”

Responden 7:

“Kurang..kurang mencukupi.”

Responden 8:

“Berjalan memang tak pernahlah. Kalau tak raya tak jalan itu pun rumah saudara. Rumah-rumah saudara jekan. Nak kata berjalan-jalan melancong memang tak adalah.”

Responden 9:

“Dengan kewangan sekarang..dengan belanja sekarang dengan barang-barang dah mahal semua..aaa..memang kira kena buat dua kerjalah baru boleh dapat..baru selesalah kiranya ha..”

“Habis tu nak beli barang-barang dapur..aaa..anak-anak lagi. Pampers, apa semuanya..banyaklah. Kira kewangan tu memang tak mencukupilahkan. Dengan gaji sekarang nikan.”

“...sekarang saya ada buat dua kerjalah. Sekarang gaji memang tak cukuplah.”

Responden 10:

“Memang tak cukup. Memang tak cukup dengan hutang-hutanglah.”

“Hutang macam dari segi macam kenderaankan. Nak beli macam yang cash-cash ni orang cakap memang tak mampu lakan.

“Mana boleh buat simpanan kak. Kita pun cukup-cukup makan jekan”

“Apa yang orang pakai kadang-kadang kita nak pakai jugakan. Macam tulah rasa, tak puas hati kita habis tu duit untuk keluarga lagikan.”

Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden mengalami tekanan ekonomi disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak stabil di Malaysia. Sebagai contoh, Responden 10

menyatakan “Tak stabil, tak puas hatilahkan dengan ekonomi sekarangkan”, dan “A’ah dengan keadaan ekonomikan. Sebabkan ni..kena kerja keras sikitlah.”. Ini menunjukkan kesukaran ekonomi yang dialami oleh responden akan meningkatkan tekanan ekonomi dalam sesebuah keluarga dan akhir sekali akan membawa kepada tekanan emosi [27]. Bahkan kebanyakan responden juga menyatakan keperluan asas serta perbelanjaan yang tinggi setiap bulan seperti pembayaran bil utiliti dan keperluan dapur menyebabkan mereka merasa tertekan dengan keadaan ekonomi mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 8 “Tak puas hati..macam tak cukuplah, banyak lebih kepada nak bayar pada benda-benda yang..dengan bil kalau ada hutang rumah, hutang rumah, makanan kita pun dah mahalkan.”

Selain itu, hutang piutang mereka juga melebihi dari pendapatan sehingga menyebabkan mereka mengalami kesukaran ekonomi setiap bulan setelah membuat bayaran balik sehinggakan memberi tekanan kepada mereka. Responden 2 juga menyatakan “Kereta dah empat ratus, rumah dah dua ratus. Habis hutang lagi dengan barang-barang lain lagi. Memang tak cukuplah tiga ribu tu sorang. Perit rasa memang perit. Habis anak-anak sekolah lagi.”. Tambahan pula, tekanan ekonomi akan semakin meningkat pada setiap musim perayaan dan musim sekolah kerana keperluan asas yang bertambah. Berdasarkan Model tekanan keluarga [34], tekanan ekonomi yang dihadapi bukan sahaja mengganggu hubungan dalam sesebuah keluarga, malahan menghalang keupayaan seseorang untuk menghadapi tekanan dan menyumbang kepada masalah psikologi dalam kalangan ahli keluarga mereka.

Tema 2: Tekanan Emosi

Dalam kalangan keluarga pendapatan rendah, kebanyakan responden menyatakan perasaan tekanan yang dihadapi mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Tekanan emosi adalah disebabkan oleh nisbah keupayaan menjadi tidak seimbang disebabkan oleh sesuatu keadaan atau peristiwa [29]. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan tekanan emosi

Responden 2:

“Rasa memang tensionlah. Kalaulah ada tambahan lagi alhamdulillah, tapi kita nak buat macam mana. Bekerja dengan orangkan, orang bukan faham masalah kita dengan gaji dengan barang naik sekarang nikan.”

“Rasa macam tak puas hati rasa. Semuanya yang kita nak ambil, eh jangan. Sebab mana yang keperluan ke keinginan, aaa..kita fikir macam tu.”

“Kadang-kadang memang marah juga. Bila kita tensionkan dengan ni dengan ni masalah anak lagi, tension juga. Kadang-kadang menjerit juga, menangis pun ye.”

Responden 3:

“Tapi kadang-kadang tu ada juga, orang cakap rasa tertekan tu.”

Responden 5:

“Adalah juga tertekan sikit. Kadang-kadang bila tertekan ni boleh bergaduh degan suamikan.”

“Kira murung tu kadang-kadang jelah. Macam kita tak bekerja kita cuti ke adalah juga rasa.”

Responden 6:

“Hari tu saya sakitkan 2 bulan tak bangun. Effect pada jantung dengan kemurungan”

Responden 8:

“Kalau time ni ha..time nak raya, time nak sekolah..ha itu memang ada tekanan sikitlah.”

“Selalu macam naik angin. Nak naik anginkan.”

Responden 9:

“Memang ada tapi itulah..tekanan tu semua adalah dalam keluarga semualahkan. Rumah tangga memang ada tekananlah. Iyelah dengan gaji yang tak cukup”

“Yelah kadang-kadang tu bile dah datang tekanan tu. Bile datang semua tu rasa macam nak marah. Ada jelah, aaa..macam tu.”

“A’ah, stresslah. Bila macam bila dapat gaji bila dah bayar hutang dan hutang belum diselesaikan memang bagi tekananlah.”

Hasil kajian menunjukkan kebanyak responden mengalami tekanan emosi disebabkan keadaan ekonomi keluarga yang tidak stabil. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 3 “Stress tu orang cakap...memanglah. kadang-kadang kita orang cakap dah berkeluarga ni memang ada masalah duit tu semua”. Manakala seorang responden menyatakan akan lebih tertekan jika mengalami peristiwa yang tidak dirancang dan memerlukan sejumlah wang yang besar seperti kerosakan kenderaan atau pun ahli keluarga tidak sihat seperti Responden 2 “Memang tertekan. Misal kata anak tu tetiba demam ke kadang-kadang bila gaji belum dapat sempit juga. Terasa sempit” dan “Memang terasa peritlah kalau tiba-tiba kereta rosak. Itu memang perit sebab duit tak boleh nak simpan kalau gaji tiga ribu tak boleh nak simpan. Tak boleh nak ketepikanlah”. Menurut Gonzales *et al.*, [19], tekanan yang dihadapi akan mengurangkan keupayaan individu dalam memikirkan dan menentukan strategi yang berkesan dalam menghadapi sesuatu masalah sehingga memberi kesan secara negatif kepada individu terbabit.

Manakala Responden 6 menyatakan “Hari tu saya sakitkan 2 bulan tak bangun. Effect pada jantung dengan kemurungan”. Seperti yang dinyatakan, tekanan yang dialami oleh responden menyebabkan responden mengalami kemurungan yang melampau sehingga mengakibatkan masalah kesihatan yang serius kepada responden. Hal ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Wadsworth *et al.*, [34] menunjukkan bahawa tekanan mempunyai perkaitan yang positif dengan masalah kesihatan dan ketidak fungsian psikologi dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Selain itu, pendapatan yang rendah juga mempunyai perkaitan yang positif dengan masalah kesihatan mental seperti kemurungan disebabkan oleh tekanan hidup kerana kekurangan sumber kewangan untuk menyara keluarga [31]. Seterusnya, memberi kesan negatif terhadap sistem keluarga dan masyarakat secara umumnya [28].

Tema 3: Tekanan keibubapaan

Tambahan pula, segelintir responden menyatakan mengalami tekanan keibubapaan disebabkan oleh tidak dapat melunaskan atau mengikut permintaan anak-anak mereka disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi mereka. Dapatan kajian lepas menunjukkan tekanan ekonomi yang dihadapi oleh ibu bapa akan meningkatkan tekanan emosi sehingga menghadkan keupayaan ibu bapa bertindak balas lebih sensitif terhadap keperluan anak-anak mereka [5, 8, 32]. Tekanan keibubapaan merupakan perasaan bersalah dan rasa bimbang dalam mengimbangi peranan ibu bapa dengan peranan sosial yang lain [14]. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan tekanan keibubapaan.

Responden 1:

“Budak-budak nakal tertekanlah.”

Responden 2:

“Lasaklah bermain. Selalu bergaduhlah. Kadang-kadang ibu ni yang kuat menjerit. Cakap macam tarzan dah duduk rumah.”

Responden 6:

“..darjah 4 tu dia memang memberontak betul-betul.”

“Menangis, meraunglah”

Responden 7:

“Ada tapi kita pujuk dia cakap nak beli lain baru dia diamlah.”

Analisis data menunjukkan ibu bapa B40 mengalami tekanan keibubapaan disebabkan oleh perangai anak-anak dan tidak dapat membelikan barangan yang dikehendaki oleh anak disebabkan oleh masalah kewangan. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 9 “Ada. Dia memberontak pun ada. Kalau nak beli tak dapat.”. Hal ini menyebabkan anak-anak mereka memberontak untuk mendapatkan sesuatu sehingga menyebabkan responden berasa tertekan. Oleh yang demikian, tahap pendapatan yang rendah menyukarkan ibu bapa dalam menyediakan keperluan asas terhadap anak-anak mereka seperti makanan, barangan sekolah dan sebagainya sehingga menyumbang kepada rasa putus asa dan kebimbangan yang melampau [30].

3.2 Kekuatan dalam Keluarga B40

Kajian ini mendapati terdapat tiga tema utama yang mempunyai perkaitan dengan keluarga berpendapatan rendah iaitu komunikasi, pengurusan kewangan dan sokongan sosial.

Tema 1: Komunikasi

Komunikasi ditakrifkan sebagai pertukaran maklumat secara berterusan melalui ucapan, bertulis, bercakap ditelefon dan ekspresi tubuh atau wajah antara kedua pasangan [17]. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan komunikasi.

Responden 2:

“Macam time diorang nak periksakan keperluan lebih sikitkan. Duit kertas nak beli buku nak beli ni. Aaa..bincanglah. Anak cakap ayah cikgu nak ni ini, jadi tanya ayah dia, sayalah tanya ayah dia. Duit banyak ni. Haa..duit itu yang saya ketepi-ketepikan tadi.”

“Banyak berbincanglah.”

“Diorang boleh mudah mesra apa semua. Diorang banyak berbincanglah, diorang bertanya dulu apa benda ni. Kalau cikgu nak ni bincang. Tak kisah diorang memang banyak bertanyalah.”

“Setakat ayah yang mampu je kalau diorang nak lebih-lebih tak bolehlah, sabar kita kena sabar. Kalau ayah dia ada gaji bonus tu bolehlah juga tampung. Kita selalu cakap macam tulah. Selalu ingatkan diorang.”

Responden 3:

“Berbincanglah. Table talk macam biasalah. Kalau tak, tak bolehkan”

Responden 4:

“Dia memang ada beri semangat. Dia pun..macam fahamlah”

“Dia fahamlah. Dia tak ada bagi tekanan lagi pada kita. Dia tahu keadaan ekonomi macam ni berbelanja pun terpaksa kena save. Macam tulah. Ceritalah dengan dia masalah ni, bulan ni bajet dia macam ni.”

Responden 5:

“Bincang. Lepas tu terpaksa kita korek duit simpanan kita.”

“Time bincang tu..aaa..slow sikitlah, rasa macam dapat apa ni relaks sikit. Kalau sama-sama naik angin habislah. Tak dapat selesailah masalah.”

Responden 8:

“Berbincang secara baik kalau apa-apa pun mesti..kalau akak bercakap pun dia mesti dengar jelas. Tak cakap apa-apa.”

Responden 10:

“Dalam rumah tangga ni orang cakap tipulah kalau tak ada. Biasalah kak. Kira sampai serius sangatkan tapi cakap melenting-lenting tu memang standardlah. Dia faham, kalau kita melenting dia pun diam, relaks..bolehlah”

Kajian ini menunjukkan hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa komunikasi merupakan cara utama mereka dalam membincangkan sesuatu masalah dalam keluarga dan salah satu cara untuk mereka menangani masalah kewangan yang mereka hadapi. Responden 4 menyatakan “Sebab tu saya cerita dengan dia sebelum tu dengan keadaan macam nikan memanglah kalau nak ikutkan kita memang tertekanlah dengan keadaan sekarang dengan ekonomi, kos sara hidupan. Tapi kita kena bincanglah cerita ni bajet dia apa semua. Supaya fahamlah, semua orang kalau ni tak ada. Lepas tu kita cakap elok-elok dia pun fahamlah”. Komunikasi yang berkualiti dan hubungan yang stabil antara pasangan suami isteri bukan sahaja menyediakan persekitaran yang aman dan mesra dalam keluarga [18] malah bertindak sebagai persekitaran pembelajaran yang positif kepada anak-anak mereka.

Selain itu, responden juga menekankan bahawa komunikasi juga membuatkan beliau dan pasangan untuk lebih saling memahami antara satu sama lain seperti yang dinyatakan oleh Responden 10 “Ok lah. Dia pun faham kira, saya faham dia, dia faham saya”. Berdasarkan dapatan kajian lepas sumber sokongan yang paling penting adalah dari pasangan masing-masing kerana mampu untuk meningkatkan keupayaan individu dalam menangani setiap tekanan sosial dan ekonomi yang dihadapi [7].

Tema 2: Pengurusan Kewangan

Tema yang seterusnya adalah pengurusan kewangan yang didefinisikan sebagai pengurusan wang secara cekap dan berkesan [3]. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan pengurusan kewangan.

Responden 1:

“Cukuplah, jimat-jimatlah”

Responden 2:

“A’ah, bayar bil air, bil api apa semua saya yang peruntuk. Tiap-tiap bulan memang ada je buat, macam diari. Aaa..bulan ni beli apa, keperluan dapur berapa, belanja ni belanja ini memang saya buat, tiap-tiap bulan saya buat macam tu. Kita dapat save gaji kita kalau lari dapat berapa..haaa..dah lari ni.”

“A’ah, tapi kalau raya, puasa memang ada perit lagi. Sebelum tu kita dah standbylah beli sikit-sikit. Anak sekolah macam tu, macam bulan 12 dah cuti bulan sepuluh kita dah beli sikit-sikit. Kita tak boleh serentak. Kalau serentak, habis seribu untuk barang sekolah, nanti gaji tak cukup. Haa...saya macam tulah. Saya duduk rumah saya hitungkanlah. Aaa..suami dia bagi je, dia tak tahu kita kena kecilkan duit ni. Aaa..saya buat macam tu. Sebab kita duduk rumah kita kena pandailah.”

“Macam saya dia bagi duit satu hari dua puluh, tiga puluh tu saya kecilkan. Satu hari saya simpan sepuluh ringgit and then lima ringgit. Jadi sebulan adalah duit dua ratus, tiga ratus.”

Responden 3:

“Kadang-kadang ada juga tak cukup duit. Kadang-kadang..tapi kena pandai-pandai berjimatlah.”

Responden 4:

“Tak ada. Tu yang terpaksa tak nak jadikan hutang ni dengan keadaan sekarang. Tak beranilah”

“Dia fahamlah. Dia tak ada bagi tekanan lagi pada kita. Dia tahu keadaan ekonomi macam ni berbelanja pun terpaksa kena save. Macam tulah. Ceritalah dengan dia masalah ni, bulan ni bajet dia macam ni.”

“Tak boleh ikut cara orang. Ikut kemampuan kitalah”

Responden 8:

“Biasa akak beli awal-awal. Kalau misal kata kalau dulu akak tak kerja akak beli awal-awal macam baju budak ke baju sekolah budak ke beli siang-siang, jangan dah suntuk-suntut nak belikan mesti tak boleh punya ataupun akak jenis beli, simpan kelepet duit sikit-sikit dari awal tahun. Kelepet 50 ringgit.”

Responden 9:

“Tulah mana yang boleh kawal tu kita stop dulu kita bayar dulu. Kita selesai mana yang penting dululah.”

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengambil pendekatan untuk berjimat-cermat dan berbelanja mengikut kemampuan masing-masing dalam menjalani kehidupan seharian. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 4 “Kalau kita belanja ikut pendapatan kita macam ni, jangan ikut gaya lain macam orang lain. Jadi ikut kemampuan kitalah.”. Selain itu, Responden 3 memberitahu bahawa “Lagi satu..(ketawa)..kena macam saya biasa kalau pergi ke kerja tu kena berjimatlah. Bawa bekal ke apa ke. Kadang-kadang kena tahanlah sikit sebab saya kerja..kerja pun balik petangkan, petang baru makan. Ini menunjukkan segelintir responden mengambil langkah berjimat-cermat dengan membawa bekal ke tempat kerja, membuat diari untuk setiap perbelanjaan, membuat simpanan untuk hal-hal kecemasan walaupun dalam kuatiti yang sedikit serta membeli barang keperluan sedikit demi sedikit bagi mengelakkan mengeluarkan sejumlah wang yang besar dikemudian hari.

Bukan sahaja itu malah responden juga mengambil inisiatif lain untuk menambah baik pengurusan kewangan mereka dengan melakukan dua kerja dalam satu masa atau dalam erti kata lain dengan melakukannya kerja ‘part time’. Seperti yang dilakukan oleh suami kepada Responden 2, “A’ah, kedi golf. Dapatlah satu hari lapan puluh ringgit. Tu tampunglah. Tampung untuk perbelanjaan, itu pun kalau ada.”. Responden menyatakan suaminya yang bekerja tetap sebagai kickman, melakukan kerja sampingan lain pada hujung minggu atau pun pada sebelah pagi bagi menambah pendapatan keluarga mereka. Mempunyai pekerjaan dan kewangan yang stabil merupakan salah satu faktor pelindung dari pelbagai masalah kesihatan mental [20] terutama dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah.

Tema 3: Sokongan sosial

Sokongan sosial merupakan sebuah rangkaian yang terdiri daripada keluarga dan ahli komuniti luar yang menawarkan sumber untuk dikongsi dan memainkan peranan sebagai penyokong yang kuat kepada seseorang individu atau sesebuah keluarga [3]. Menurut Raikes dan Thompson [27], sokongan sosial merupakan salah satu pemampan kepada semua implikasi yang berkaitan dengan tekanan ekonomi yang dihadapi oleh mereka yang berpendapatan rendah. Berikut adalah antara beberapa petikan kata-kata daripada responden kajian berkaitan dengan sokongan sosial.

Responden 2:

“Kita pinjam juga dengan kakak, kadang-kadang tanya mak. Pinjam juga dengan mak. Aaa..macam tu. Mana dekat adik-beradik kita mintak pertolongan adik-beradik.”

Responden 3:

“Biasa kalau kewangan tu mintak pertolongan adik-adiklah. Adik saya kerja kerajaan. Kadang kerja pun susah, kadang saya tolong dia, kadang dia tolong saya. Macam tu lah, dia supportkan.”

Responden 9:

“Isteri banyak beri sokonganlah.”

“Sabar, saling memahami. Selalunya die terima kitalah, cuba berjimat mana yang ada.”

Berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan responden menerima sokongan sosial daripada ahli keluarga terdekat. Responden 6 menyatakan “Kekuatan saya daripada keluargalah. Support daripada suami, mak saya, adik-beradik saya yang lain. Aaa..itulah yang menjadikan saya ada kekuatanlah. Anak-anak pun ada support sikit.”. Berdasarkan pernyataan dari responden menunjukkan bahawa responden mendapat sokongan moral dari kalangan ahli keluarga yang terdiri daripada suami, ibu, adik-beradik dan anak-anak. Malahan sokongan yang diberikan kepada responden bukan sahaja berbentuk sokongan secara emosi tetapi sokongan dari bentuk kewangan juga disalurkan kepada responden dan keluarganya seperti yang dinyatakan oleh Responden 2 “Dulu duduk rumah sewa. Adik-beradik, tanah mak..kakak dulukan rumah jadi bulan-bulan bayarlah.”. Individu yang menerima sokongan moral melalui bantuan kewangan menunjukkan pengurangan tekanan psikologi disebabkan bebanan ekonomi [22]. Selain itu, sokongan moral yang diterima juga didapati boleh mempengaruhi kualiti tingkah laku keibubapaan secara positif dan seterusnya mengurangkan tahap tekanan keibubapaan [26, 27].

5. Kesimpulan and Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat tiga elemen utama bagi setiap tema tekanan dan kekuatan. Tema tekanan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah tekanan ekonomi, tekanan dan tekanan keibubapaan. Hasil kajian lepas menunjukkan keluarga berpendapatan rendah yang hidup dalam tekanan mempunyai perkaitan dengan tingkah laku keibubapaan yang negatif dan konflik keluarga yang tinggi [22, 23]. Manakala, dari sudut kekuatan pula adalah seperti komunikasi, pengurusan kewangan dan sokongan sosial. Walaupun tekanan ekonomi menyebabkan pelbagai implikasi negatif namun tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan tekanan emosi [11], ini kerana faktor kekuatan mampu menjadi pemampam kepada setiap tekanan yang hadir dalam sesebuah keluarga berpendapatan rendah.

Walaubagaimana pun, terdapat beberapa limitasi yang dikenal pasti dalam kajian ini seperti saiz sampel yang sedikit. Oleh itu, diharapkan kajian pada masa akan datang dapat menggunakan saiz sampel yang lebih besar untuk memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai tekanan dan kekuatan yang dialami oleh keluarga berpendapatan rendah. Tambahan pula, kajian ini hanya menggunakan sampel responden berbangsa Melayu sahaja, maka kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan populasi keluarga berpendapatan rendah (e.g., bangsa India dan Cina) di Malaysia. Selain itu, kajian pada masa hadapan juga boleh mengenal pasti antara tema-tema tekanan dan kekuatan selain dari hasil kajian ini yang boleh memberi impak kepada keluarga berpendapatan rendah di masa akan datang seperti keagamaan, kesihatan, kejiranan yang selamat dan akses kepada sistem pendidikan yang berkualiti [2].

Akhir sekali, berdasarkan hasil kajian ini adalah amat penting untuk mewujudkan intervensi dan polisi bagi mengurangkan impak tekanan yang dialami oleh keluarga berpendapatan rendah. Antaranya seperti program sokongan kepada keluarga berpendapatan rendah dengan membantu ibu bapa dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif kepada anak-anak mereka [27]. Sebagai contoh dengan membantu ibu bapa mengenal pasti beberapa masalah yang boleh diselesaikan bagi mengurangkan tekanan dan memastikan mereka boleh mengawal sebarang situasi negatif. Hal ini kerana tekanan keibubapaan yang rendah mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pengurangan tingkah laku bermasalah dalam kalangan anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah [27].Tuntasnya, kajian ini merupakan fasa pertama dan tidak boleh dinyatakan sebagai penyelidikan secara komprehensif kerana kajian ini hanya menyentuh sebilangan

kecil keluarga berpendapatan rendah di Malaysia. Oleh itu, diharapkan kajian lanjutan berkaitan dengan keluarga berpendapatan rendah dapat diteruskan pada masa hadapan.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian "Development of Malaysian Family Stress Model of B40 Family" dibawah Skim Geran Fundamental (FRGS) Fasa 1/2016 yang telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Terima kasih kepada semua peserta yang telah terlibat didalam kajian ini.

Rujukan

- [1] Lewandowski, Amy S., Tonya M. Palermo, Jennifer Stinson, Susannah Handley, and Christine T. Chambers. "Systematic review of family functioning in families of children and adolescents with chronic pain." *The Journal of Pain* 11, no. 11 (2010): 1027-1038.
- [2] Benzies, Karen, and Richelle Mychasiuk. "Fostering family resiliency: A review of the key protective factors." *Child & Family Social Work* 14, no. 1 (2009): 103-114.
- [3] Black, Keri, and Marie Lobo. "A conceptual review of family resilience factors." *Journal of family nursing* 14, no. 1 (2008): 33-55.
- [4] Blazer, Dan G., Ronald C. Kessler, Katherine A. McGonagle, and Marvin S. Swartz. "The prevalence and distribution of major depression in a national community sample: the National Comorbidity Survey." (1994): 979-986.
- [5] Brody, Gene H., Zolinda Stoneman, Douglas Flor, Chris McCrary, Lorraine Hastings, and Olive Conyers. "Financial Resources, Parent Psychological Functioning, Parent Co-Caregiving, and Early Adolescent Competence in Rural Two-Parent African-American Families." *Child development* 65, no. 2 (1994): 590-605.
- [6] Chalovich, J. M., & Eisenberg, E. "National Institute of Health Public Access." *Biophysical Chemistry* 257, no. 5 (2016): 2432-2437.
- [7] Conger, Rand D., and Katherine J. Conger. "Resilience in Midwestern families: Selected findings from the first decade of a prospective, longitudinal study." *Journal of Marriage and Family* 64, no. 2 (2002): 361-373.
- [8] Conger, Rand D., Xiaojia Ge, Glen H. Elder, Frederick O. Lorenz, and Ronald L. Simons. "Economic stress, coercive family process, and developmental problems of adolescents." *Child development* 65, no. 2 (1994): 541-561.
- [9] Conger, Rand D., Thomas K. Schofield, Katherine J. Conger, and Tricia K. Neppl. "Economic pressure, parent personality and child development: An interactionist analysis." *Historische Sozialforschung= Historical social research/Zentrum fur Historische Sozialforschung, Koln in Zusammenarbeit mit dem Informationszentrum Sozialwissenschaften, Bonn* 35, no. 2 (2010): 169.
- [10] Criss, Michael M., Gregory S. Pettit, John E. Bates, Kenneth A. Dodge, and Amie L. Lapp. "Family adversity, positive peer relationships, and children's externalizing behavior: A longitudinal perspective on risk and resilience." *Child development* 73, no. 4 (2002): 1220-1237.
- [11] Elder Jr, Glen H., Jacquelynne S. Eccles, Monika Ardelt, and Sarah Lord. "Inner-city parents under economic pressure: Perspectives on the strategies of parenting." *Journal of Marriage and the Family* (1995): 771-784.
- [12] Fine, Mark A., and Frank D. Fincham, eds. *Handbook of family theories: A content-based approach*. Routledge, 2013.
- [13] Fox, J., J. & Bartholomae, S.. In McKenry, P. C. & Price, S. J (eds.). *Families & change coping with stressful*. Pp. 250-271. Events and transitions. Ed. ke-2. California, Sage Publications Inc, 2000
- [14] Greenberger, Ellen, and Robin O'neil. "Spouse, parent, worker: Role commitments and role-related experiences in the construction of adults' well-being." *Developmental Psychology* 29, no. 2 (1993): 181.
- [15] Gershoff, Elizabeth T., J. Lawrence Aber, C. Cybele Raver, and Mary Clare Lennon. "Income is not enough: Incorporating material hardship into models of income associations with parenting and child development." *Child development* 78, no. 1 (2007): 70-95.
- [16] Jackson, Aurora P., Jeanne Brooks-Gunn, Chien Huang, and Marc Glassman. "Single mothers in low-wage jobs: Financial strain, parenting, and preschoolers' outcomes." *Child development* 71, no. 5 (2000): 1409-1423.
- [17] Jent, Glenn A. "Improving Communication in Marriage." (2005).
- [18] Katz, Lynn F., and John M. Gottman. "Patterns of marital conflict predict children's internalizing and externalizing behaviors." *Developmental Psychology* 29, no. 6 (1993): 940.
- [19] Ladwig, Karl-Heinz, Birgitt Marten-Mittag, Natalia Erazo, and Harald Gundel. "Identifying somatization disorder in a population-based health examination survey: psychosocial burden and gender differences." *Psychosomatics* 42, no. 6 (2001): 511-518.
- [20] Lloyd, Chrishana M., and Elisa Rosman. "Exploring Mental Health Outcomes for Low-income Mothers of Children With Special Needs: Implications for Policy and Practice." *Infants & Young Children* 18, no. 3 (2005): 186-199.

- [21] Love, John M., Ellen Eliason Kisker, Christine Ross, Helen Raikes, Jill Constantine, Kimberly Boller, Jeanne Brooks-Gunn et al. "The effectiveness of early head start for 3-year-old children and their parents: lessons for policy and programs." *Developmental psychology* 41, no. 6 (2005): 885.
- [22] McLoyd, Vonnie C. "The impact of economic hardship on Black families and children: Psychological distress, parenting, and socioemotional development." *Child development* 61, no. 2 (1990): 311-346.
- [23] Mistry, Rashmita S., Edward D. Lowe, Aprile D. Benner, and Nina Chien. "Expanding the family economic stress model: Insights from a mixed-methods approach." *Journal of Marriage and Family* 70, no. 1 (2008): 196-209.
- [24] Nomaguchi, Kei M. "Parenthood and psychological well-being: Clarifying the role of child age and parent-child relationship quality." *Social science research* 41, no. 2 (2012): 489-498
- [25] Orthner, Dennis K., Hinckley Jones-Sanpei, and Sabrina Williamson. "The resilience and strengths of low-income families." *Family relations* 53, no. 2 (2004): 159-167.
- [26] Östberg, Monica, and Berit Hagekull. "A structural modeling approach to the understanding of parenting stress." *Journal of clinical child psychology* 29, no. 4 (2000): 615-625.
- [27] Raikes, H. Abigail, and Ross A. Thompson. "Efficacy and social support as predictors of parenting stress among families in poverty." *Infant mental health journal* 26, no. 3 (2005): 177-190.
- [28] Robila, Mihaela, and Ambika Krishnakumar. "Effects of economic pressure on marital conflict in Romania." *Journal of Family Psychology* 19, no. 2 (2005): 246.
- [29] Rothwell, David W., and Chang-Keun Han. "Exploring the relationship between assets and family stress among low-income families." *Family Relations* 59, no. 4 (2010): 396-407.
- [30] Santiago, Catherine DeCarlo, Martha E. Wadsworth, and Jessica Stump. "Socioeconomic status, neighborhood disadvantage, and poverty-related stress: Prospective effects on psychological syndromes among diverse low-income families." *Journal of Economic Psychology* 32, no. 2 (2011): 218-230.
- [31] Siefert, Kristine, Phillip J. Bowman, Colleen M. Heflin, Sheldon Danziger, and David R. Williams. "Social and environmental predictors of maternal depression in current and recent welfare recipients." *American Journal of Orthopsychiatry* 70, no. 4 (2000): 510.
- [32] Taylor, Ronald D. "The effects of economic and social stressors on parenting and adolescent adjustment in African American families." *Social and emotional adjustment and family relations in ethnic minority families* (1997): 35-52.
- [33] Umberson, Debra, Tetyana Pudrovska, and Corinne Reczek. "Parenthood, childlessness, and well-being: A life course perspective." *Journal of Marriage and Family* 72, no. 3 (2010): 612-629.
- [34] Wadsworth, Martha E., Tali Raviv*, Christine Reinhard, Brian Wolff, Catherine DeCarlo Santiago, and Lindsey Einhorn. "An indirect effects model of the association between poverty and child functioning: The role of children's poverty-related stress." *Journal of Loss and Trauma* 13, no. 2-3 (2008): 156-185.
- [35] Williams, Deadric T., and Jacob E. Cheadle. "Economic hardship, parents' depression, and relationship distress among couples with young children." *Society and mental health* 6, no. 2 (2016): 73-89.
- [36] Voydanoff, Patricia. "Economic distress and family relations: A review of the eighties." *Journal of Marriage and the Family*(1990): 1099-1115.